



PANDUAN PELAJAR BARU

KOLEJ PROFESIONAL MARA BERANANG (KPMB) SELANGOR
KOLEJ PROFESIONAL MARA MELAKA CITY CAMPUS (KPMM) MELAKA
KOLEJ PROFESIONAL MARA INDERA MAHKOTA (KPMIM) PAHANG
KOLEJ PROFESIONAL MARA SERI ISKANDAR (KPMIM) PERAK
KOLEJ PROFESIONAL MARA BANDAR PENAWAR (KPMBP) JOHOR
KOLEJ PROFESIONAL MARA AIR MOLEK (KPMAM) MELAKA

Unit Pusat Institusi MARA (UPIM)
Bahagian Pendidikan Tinggi MARA
Tingkat 12, Ibu Pejabat MARA
Jalan Raja Laut
50609 Kuala Lumpur

03 - 26915111

sambungan 1734 atau 1736

Faks:03-26914457



PENERANGAN UNTUK PELAJAR-PELAJAR BARU KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM)

1. SYARAT SYARAT TAWARAN KPM

- 1.1 Anda mestilah mempunyai kelulusan akademik SPM/SPMV/MCE dan lain-lain kelayakan jika ada yang telah disyaratkan untuk mengikuti kursus yang ditawarkan.
- 1.2 MARA berhak menarik balik tawaran ini jika anda didapati tidak memenuhi syarat kelayakan akademik atau lain-lain syarat yang ditetapkan.

2. KESIHATAN

- 2.1 Anda mestilah sihat dan lulus dalam pemeriksaan kesihatan sebelum mengikuti kursus latihan.
- 2.2 Pemeriksaan kesihatan hendaklah dibuat di Hospital Besar/Klinik Kerajaan atau Klinik Swasta. Pembayaran segala urusan pemeriksaan kesihatan adalah menjadi tanggungjawab anda sendiri.
- 2.3 MARA berhak menarik balik jika anda didapati tidak sihat dan cacat anggota tubuh badan yang boleh menjelaskan pembelajaran di KPM.

3. PERSIAPAN KE KPM

Bersama-sama ini disertakan Dokumen Pendaftaran berikut untuk makluman dan dilengkapkan bagi persiapan anda untuk ke Kolej.

- i) Buku Pendaftaran
- ii) Dokumen Perjanjian 3 buku
(juga disertakan keterangan cara mengisi)

Lampiran-lampiran di dalam Buku Pendaftaran dan Dokumen Perjanjian yang telah dilengkapkan dan dimatikan setem hendaklah dibawa bersama semasa melaporkan diri.

4. PENGINAPAN

Asrama disediakan bagi semua pelajar baru. Pelajar-pelajar tahun ke 2 dan seterusnya akan diberikan kemudahan penginapan tetapi bergantung kepada kekosongan asrama dan pemilihan pelajar adalah bergantung kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak BPT dan KPM. Kemudahan yang disediakan di asrama adalah seperti berikut:

- i) Katil dan Tilam
- ii) Almari

Nota: Makan/ minum harian tanggungan pelajar. Boleh membeli makanan di dewan makan/ kantin/ "Food court" di KPM.

5. PAKAIAN DAN RUPA DIRI

5.1 Pakaian disediakan oleh pelajar dan pembiayaan tidak ditanggung oleh MARA.

5.2 Pemakaian ke kuliah / kelas atau majlis formal adalah seperti berikut:

Pelajar Lelaki	Pelajar Perempuan
<ul style="list-style-type: none"> • Kemeja lengan panjang / pendek • Baju bercorak bunga-bunga dan warna garang tidak dibenarkan • Bertali leher • Mesti kemas dan bersih • Seluar panjang 'Jeans' tidak dibenarkan sama sekali 	<ul style="list-style-type: none"> • Baju kurung dan kebarung sahaja • Tidak jarang • Tidak melekat atau 'body-hugging' • Tiada belahan pada bersih • Mesti kemas dan bersih • Tudung kepala (corak bebas) • Purdah tidak dibenarkan sama sekali
<ul style="list-style-type: none"> • Kasut kulit / PVC • Tumit kasut tidak melebihi 4 sm • Kasut kanvas, sandal dan selipar tidak dibenarkan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kasut kulit / PVC • Tumit kasut tidak melebihi 4 sm • Kasut kanvas, sandal dan selipar tidak dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> • Stokin - diwajibkan 	<ul style="list-style-type: none"> • Stokin – tidak diwajibkan
<ul style="list-style-type: none"> • Bersolek tidak dibenarkan 	

5.3 Pemakaian bagi aktiviti luar bilik kuliah atau aktiviti luar yang tidak formal (pakaian outing) adalah seperti berikut:

Pelajar Lelaki	Pelajar Perempuan
<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar lelaki hendaklah berpakaian kemas dan berkasut (sandal atau selipar tidak dibenarkan) semasa 'outing'. Seluar jeans tidak dibenarkan sama sekali. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar perempuan dibenarkan memakai baju kurung dan kebarung sahaja dan berkasut (sandal dan selipar tidak dibenarkan) untuk keluar ke bandar (outing). Seluar jeans tidak dibenarkan sama sekali.

5.4 Selipar hanya dibenarkan di Surau dan Asrama.

5.5 Bagi pelajar lelaki aksesori-aksesori seperti rantai, gelang tangan dan subang sama sekali tidak dibenarkan.

5.6 Rambut pelajar sentiasa kemas, bersih, dan rapi.

5.7 Pelajar-pelajar lelaki tidak dibenarkan berambut panjang hingga menutup telinga, mencecah kolar kemeja atau mencecah kening.

6. KEPERLUAN HARIAN

Lain-lain keperluan yang perlu dibawa oleh pelajar ialah seperti berikut:

- Tuala
- Alatan Mandian
- Baldi
- Kunci untuk almari
- Penyangkut Baju (*Hangers*)
- Selipar
- Pakaian /Alatan untuk Solat
- Bantal dan Sarung Bantal
- Cadar dan Selimut

7. BUKU TEKS

Pelajar dikehendaki membeli buku teks. Senarai buku teks akan diberikan kepada pelajar dan pembelian/tempahan boleh dibuat pada hari pendaftaran.

8. TAMBANG

Tambang pergi balik dari rumah / asrama ke Kolej bagi sepanjang pengajian adalah tanggungan pelajar.

Pelajar Malaysia Timur (Sabah, Sarawak & Labuan)

Mereka yang layak mendapat bantuan elaun pelatih akan dibiayai tambang perjalanan udara (penerbangan) pergi dan balik sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian. Pelajar baru boleh membuat tuntutan bayaran perjalanan ini dengan mengemukakan tiket asal atau mendapatkan gantian penerbangan.

9. YURAN PENGAJIAN DAN BAYARAN SEMASA PENDAFTARAN

Yuran Pengajian dikecualikan. Semua pelajar dikehendaki membayar Yuran Pendaftaran dan lain-lain bayaran berkaitan berjumlah seperti yang dinyatakan bersama dokumen pendaftaran.

10. BANTUAN ELAUN PENGAJIAN

Disediakan bagi pelajar yang layak menerima bantuan dengan syarat-syarat berkuat kuasa. Jumlah elaun pengajian yang akan disediakan adalah seperti berikut:

i.	Program Peringkat Diploma	RM265.00
ii	Program Persediaan	RM200.00

Bagi bulan-bulan yang jumlah hari pengajian/pembelajaran kurang daripada 15 hari, pelajar hanya layak mendapat separuh daripada elaun di atas. Pelajar diingatkan supaya membawa wang secukupnya semasa pendaftaran. Bagi mereka yang mendapat bantuan elaun pengajian adalah diingatkan bahawa proses untuk mendapatkan wang berkenaan berkemungkinan lewat bagi 2-3 bulan pertama semasa pengajian. Oleh yang demikian ibu bapa/penjaga dikehendaki menyediakan wang saku pelajar untuk perbelanjaan makan/minum dan lain-lain keperluan harian jika perlu.

11. PERLINDUNGAN INSURAN/RAWATAN PERUBATAN

Dalam tempoh pengajian/latihan, anda diwajibkan mengambil perlindungan insuran berkelompok yang akan diuruskan oleh pihak kolej. Kadar premium dan skop perlindungan insuran berkelompok ini adalah seperti berikut:

Skop Perlindungan	Manfaat Perlindungan
a. Kematian akibat kemalangan (AD)	RM11,000
b. Keilatan kekal Anggota Badan akibat kemalangan (PA)	RM8,000
c. Kematian Biasa (D)	RM3,000
d. Keilatan kekal seluruh tubuh badan (PTD)	RM3,000
e. Belanja pengkebumian (FE)	RM1,000
f. Bermalam di hospital sakit biasa atau kemalangan	RM10.00 sehari (mak.30 hari)
g. Wad hospital akibat kemalangan (HBA)	RM10.00 sehari (mak.30 hari)

Premium:

RM20.00/pelajar/setahun untuk pelajar peringkat Diploma/Higher National Diploma
RM10.00/pelajar/6 bulan untuk pelajar Program Intensif Persediaan (PIP)

Lain-lain perbelanjaan perubatan yang tidak termasuk dalam perlindungan insuran berkelompok di atas adalah tanggungjawab anda/penjaga. Anda dinasihatkan mendapatkan rawatan di Hospital atau Klinik Kerajaan. Anda boleh mengambil insuran tambahan sekiranya perlu.

12. PERKAHWINAN

Semasa dalam pengajian, anda tidak dibenarkan berkahwin.

13. LATIHAN AMALI

Anda diwajibkan menjalani Latihan Amali atau lain-lain program latihan yang ditetapkan oleh MARA bagi kursus-kursus tertentu.

14. PERATURAN DAN TATATERTIB

Anda dikehendaki mengikuti kursus sepanjang tempoh masa latihan dengan sesungguhnya serta meneruskan dan menyempurnakan latihan yang telah ditetapkan sehingga tamat. Anda hendaklah patuh kepada semua arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh MARA dari masa ke semasa (bagi maksud ini, latihan-latihan adalah juga bermaksud segala aktiviti latihan dan ko-kurikulum yang dikehendaki di Kolej-kolej berkenaan). Panduan Peraturan Disiplin Pelajar KPM akan diberikan kepada anda semasa dalam pengajian.

15. URUSAN SURAT MENYURAT

Semua urusan surat menyurat pelajar/ibu bapa/penjaga kepada Pengarah Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT) MARA mengenai pengajian atau sebarang urusan berkaitan pelajar hendaklah 'Melalui Pengetua' KPM berkenaan. Dalam surat berkenaan hendaklah dinyatakan nama pelajar, nombor kad pengenalan dan ID pelajar terbabit.

15 URUSAN SURAT MENYURAT

Semua urusan surat menyurat pelajar/ibu bapa/penjaga kepada Pengarah Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT) MARA mengenai pengajian atau sebarang urusan berkaitan pelajar hendaklah 'Melalui Pengarah' KPM berkenaan. Dalam surat berkenaan hendaklah dinyatakan nama pelajar, nombor kad pengenalan dan ID pelajar terbabit.

16 BERHENTI DARI KPM

Sekiranya pelajar telah mendaftar diri di KPM dan kemudian menarik diri atau berhenti/diberhentikan dari/oleh KPM, maka semua pembayaran yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan. Pelajar-pelajar juga dikenakan membayar balik semua perbelanjaan yang telah dibiayai oleh MARA kepada pelatih/pelajar.

17. PEKERJAAN

- i. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan bekerja sepanjang tempoh pengajian sama ada secara sepenuh masa atau secara sambilan.
- ii. Urusan mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian adalah tanggungjawab pelajar.

18. PINDAAN SYARAT

MARA berhak pada bila-bila masa membuat pindaan atau meluaskan syarat-syarat tawaran ini tanpa memberitahu kepada penjamin-penjamin anda terlebih dahulu.

Segala maklumat di atas adalah tertakluk kepada sebarang pindaan dari masa ke semasa dan akan diberitahu oleh pihak KPM